

Lonjak tadbir urus cekap



Tugas sebagai pendaftar universiti lazimnya dikaitkan dengan pentadbiran semata-mata, namun hakikatnya, bidang tugasannya amat luas, termasuk berperanan memastikan pengurusan sumber manusia universiti dapat dilaksanakan dengan lancar.

Ikuti wawancara wartawan Varsiti, Khairunnisa Kamarudin bersama-sama Pendaftar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Haizuan Rozali bagi menyelami peranan pendaftar dalam tadbir urus sesebuah universiti seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025.

S Apakah peranan sebenar pendaftar dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah universiti?

J: Pendaftar mempunyai peranan ditetapkan oleh Senat, yang mana posisinya sebagai ahli pasukan strategik universiti iaitu menjalankan hala tuju universiti yang diputuskan oleh pihak pengurusan.

Pendaftar juga bertanggungjawab merealisasikan visi dan misi universiti pada peringkat pentadbiran selain menyerlahkan kewibawaan dan mengikut kehendak strategik pihak berkuasa sesebuah universiti.

Kerangka tadbir urus itu perlu terbaik dan berprestasi tinggi untuk memastikan hala tuju sesebuah universiti itu dapat dicapai.

Peranan institusi pendaftar juga termasuk urusan pengambilkambungan, mengurus sistem governan universiti, keselamatan kampus dan tugas lain berkaitan pengurusan dan pentadbiran organisasi.

S: Bagaimana untuk menghasilkan ahli akademik berkualiti dan modal insan universiti?

J: Sebenarnya, pembangunan universiti bukan saja tertakluk kepada segi fizikal dan prasarana semata-mata, sebaliknya usaha melahirkan bakat (talent) dan modal insan yang berjaya, terutama dalam penghasilan inovasi dan penyelidikan.

Ini penting kepada kluster ahli akademik bukan sahaja dalam pembelajaran dan penyelidikan, yang mana mereka juga harus mampu bekerja bagi melaksanakan transformasi kepada universiti.

Ini selaras dengan peranan universiti sebagai enjin atau institusi untuk pembangunan negara daripada segenap aspek termasuk membangunkan modal insan dan cerdas pandai yang mampu

meningkatkan kewibawaan negara, sekali gus menarik ramai pelabur.

S: Pemeraksanaan governan atau tadbir urus adalah antara 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT), apakah pendekatan terbaik bagi merealisasikannya?

J: Dalam PPPM (PT), pendaftar sememangnya terbabit secara langsung dan tidak langsung kerana ia saling berhubung menerusi lonjakan keenam iaitu pemantapan tadbir urus.

Berdasarkan pelan itu, agensi pengawal yang sebelum ini adalah Kementerian Pendidikan mula melepaskan sebahagian kuasa terutama keputusan utama kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Oleh itu, menjadi sebahagian tanggungjawab pendaftar untuk menterjemahkan visi pada peringkat pentadbiran.

Pendekatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan tadbir urus universiti, dan membina kapasiti serta keupayaan LPU dan pentadbir universiti termasuk pendaftar untuk mengambil tanggungjawab seperti yang diamanahkan.

Bagi menjayakan pelan itu, kerjasama antara universiti dan industri dalam pengurusan modal insan yang ino-

vatif juga perlu dilaksanakan supaya kedua-dua pihak dapat memenuhi konsep yang digariskan dalam pelan tersebut.

Selain itu, pusat kecemerlangan di setiap universiti juga perlu mewujudkan kerangka tadbir urus yang cekap dan lebih inovatif untuk memberi impak yang dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat. Bagi saya, lonjakan sebegini mampu membantu pengurusan universiti untuk lebih cemerlang.

S: Cabaran yang dipikul sepanjang bergelar pendaftar

J: Cabaran pendaftar bukan hanya pada perubahan kepemimpinan, sebaliknya perubahan landskap pengajian tinggi secara global. Setiap universiti perlu bersaing untuk muncul yang terbaik dan terus kekal sebagai universiti pilihan pelajar, pekerja dan majikan juga satu cabaran

yang tidak kurang hebatnya. Pendaftar perlu bersedia menangani perubahan dan tuntutan semasa, khususnya dalam mencari tenaga sumber

manusia terbaik dan untuk mengekalkannya bukanlah sesuatu yang mudah. Paling penting, tuntutan budaya kerja berkualiti tinggi dalam

kalangan tenaga kerja juga menjadi tanggungjawab getir seorang pendaftar selain perlu berusaha mencipta inovasi dan kreativiti baharu bagi mendepani cabaran yang lebih hebat.

S: USIM bakal menyambut ulang tahun ke-15 penubuhannya, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, apakah yang dilihat sepanjang berada di universiti ini?

J: USIM sudah berjaya melewati fasa pembangunan sebagai universiti baharu dan kini menerajui ke arah penguasaan ilmu naqli dan aqli. Oleh itu, kami tekad untuk memperkasa kedudukannya supaya dapat terus bersaing dengan universiti lain dalam dan luar negara di semua peringkat.

Setakat ini, kita melihat kualiti graduan USIM sentiasa mendapat tempat dalam kalangan majikan, malah ramai juga yang berjaya menjadi pencipta pekerjaan (job creator). Dari segi kualiti, USIM juga sering dijadikan pakar rujuk dalam pelbagai bidang oleh pihak luar.

Sempena sambutan ini, pelbagai acara sudah diatur sepanjang tahun ini antaranya Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda ASEAN, Pertandingan Debat Perdana Integriti IPT, 6th Exposition on Islamic Innovation (I-INOVA) 2015, konsert Alhan Rabbaniyah dan juga USIM MTB Jamboree.

Kami juga akan mengadakan satu persidangan antarabangsa yang dijadualkan pada 4 hingga 5 Oktober 2015 yang dikenali sebagai World Islamic Countries University Leaders' Summit (WICULS 2015) dengan penyertaan universiti Islam dari beberapa negara.

“SETIAP UNIVERSITI JUGA PERLU MEWUJUDKAN KERANGKA TADBIR URUS YANG CEKAP DAN LEBIH INOVATIF UNTUK MEMBERI IMPAK YANG DAPAT DIRASAI OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT. BAGI SAYA, LONJAKAN SEBEGINI MAMPU MEMBANTU PENGURUSAN UNIVERSITI UNTUK LEBIH CEMERLANG.”



GAMBAR HIASAN: Pemantapan tadbir urus yang berkesan membantu melahirkan modal insan yang lebih cemerlang.